

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi
[Sungai Besar]
Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji
Mohd Fakeh [Sabak Bernam]

TARIKH : 3 Ogos 2017 (Khamis)
9 Ogos 2017 (Rabu)

SOALAN : Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi
minta **MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

adakah pihak Kementerian bercadang untuk meneruskan pemberian bantuan kepada pesawah padi yang terjejas akibat penyakit hawar daun bakteria (BLB) yang menyerang tanaman padi mereka

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah memberi bantuan ehsan sebanyak RM4.66 juta melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) kepada 7,039 pesawah di kawasan Barat Laut, Selangor yang terjejas pengeluaran padi mereka disebabkan serangan penyakit *Bacterial Leaf Blight* (BLB). Kementerian akan meneruskan usaha membantu para pesawah sekiranya terdapat pesawah atau mana-mana kawasan yang terjejas akibat bencana dan penyakit yang tidak dapat dielakkan pada masa-masa hadapan samada dalam bentuk pemberian bantuan ihsan, input, khidmat nasihat atau lain-lain tertakluk kepada kemampuan Kerajaan.

Bagi memastikan serangan penyakit hawar daun bakteria (BLB) kepada tanaman padi di Kawasan Barat Laut tidak berlaku lagi, antara langkah yang diambil adalah:

- i. memantau rapi tanaman padi melalui Mesyuarat Task Force yang dijadualkan secara dwi-mingguan serta mengikut keperluan; dan
- ii. memperkemas Sistem Pengembangan Pegawai di Kawasan melalui hebahan dan program-program kesedaran di lapangan.

SOALAN (43)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 3 OGOS 2017
[KHAMIS]
DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]

SOALAN :-

YB Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan tindakan-tindakan yang selanjutnya boleh diambil oleh Kementerian sekiranya award yang dikeluarkan oleh Tribunal Pengurusan Strata tidak dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang serius kegagalan pihak-pihak terlibat mematuhi award yang dikeluarkan oleh Tribunal Pengurusan Strata. Berdasarkan Seksyen 123, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), penalti jenayah kerana kegagalan untuk mematuhi award iaitu apabila disabitkan, adalah didenda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi RM5,000.00 bagi tiap-tiap hari atau sebahagiannya kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Bagi tujuan penguatkuasaan, Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh membuka kertas siasatan (IP) untuk menyiasat pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 125, Akta 757.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, pada masa ini, Kementerian sedang menyediakan mekanisme pelaksanaan bagi tindakan terhadap kes ingkar award. Isu berkaitan perkara ini adalah tiadanya peruntukan khusus di bawah Akta 757 bagi menjelaskan dengan lebih terperinci berhubung dengan mekanisme pengendalian kes-kes ingkar award di bawah Akta 757. Justeru, Kementerian secara dasarnya telah bersetuju dan mencadangkan mekanisme di mana siasatan akan dibuat oleh COB di PBT dan pendakwaan akan dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya (PUU KPKT/ PUU Negeri/ Pegawai Pendakwa (PO) di PBT).

Beberapa sesi "*engagement*" telah dan akan dibuat untuk tujuan pemakluman pelaksanaan kepada pihak – pihak yang berkepentingan, antaranya adalah COB, Jabatan Peguam Negara dan Pejabat Setiausaha Negeri (SUK). Mekanisme baharu ini dijangka dapat diguna pakai pada suku pertama tahun 2018.

Kementerian berharap apabila mekanisme ini dimuktamadkan kelak, ianya akan membolehkan kuatkuasa kes ingkar award Tribunal Pengurusan Strata dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh COB di PBT.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

SULIT

NO. SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 3 OGOS 2017

RUJUKAN : 10022

SOALAN :

**Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan berapa ramai rakyat Malaysia yang dikenal
pasti menyertai perjuangan Daesh.**

SULIT

SULIT

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak 2013 hingga 30 Jun 2017, seramai 95 orang warganegara Malaysia telah dikesan dan dikenalpasti terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh di Syria dan Iraq. Daripada jumlah tersebut, seramai 8 orang telah kembali dan ditangkap oleh PDRM, 34 orang telah mati manakala baki seramai 53 orang lagi masih berada di kawasan bergolak.

SULIT